

Rujukan kami : PNM(KPS)125 Jld2(4)
Tarikh : 23hb, Mei 2016

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Wira/YB Datuk/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.5 TAHUN 2016
TATACARA PEMBAYARAN AP 58(a)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Surat ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi peringatan berhubung Tatacara Pembayaran AP 58(a). Semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab perlu mematuhi Pekeliling Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2013 berhubung perkara tersebut yang telah dikeluarkan oleh Pebendaharaan Negeri pada Mac 2013.

3. Lanjutan daripada perkara tersebut Pejabat Perbendaharaan ingin memberi peringatan sekali lagi bahawa tempoh pembayaran pembayaran di bawah AP 58(a) adalah dalam **tempoh 6 bulan** selepas tahun kewangan ditutup. Ini bermakna mana-mana permohonan untuk kelulusan AP 58(a) yang diterima selepas **30 Jun** tidak akan dipertimbangkan dan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri akan mengesyorkan pembayaran di bawah AP 59 atau mengenakan tindakan surcaj.

4. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditanian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441.

Sekian, terima kasih.

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(JAFRIL BIN JUNIT)

Bendahari Negeri

MELAKA

s. k : YB Pegawai Kewangan Negeri – Untuk makluman